

NO.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apakah Skim Pembiayaan Perniagaan Kecil (SBF)?	Skim Pembiayaan Perniagaan Kecil (SBF) ialah kemudahan pembiayaan yang ditawarkan kepada usahawan mikro dan kecil bagi tujuan mengembangkan serta mengukuhkan perniagaan.
2.	Siapakah yang layak memohon?	Pemohon mestilah: • Warganegara Malaysia yang berumur dua puluh satu (21) tahun dan tidak melebihi enam puluh lima (65) tahun semasa tamat tempoh pembiayaan. • Menjalankan perniagaan sepenuh atau separuh masa. • Perniagaan telah beroperasi sekurang-kurangnya dua (2) tahun • Perniagaan berdaftar dengan SSM, SKM, JPPM atau agensi kerajaan/pihak berkuasa berkaitan serta mempunyai lesen perniagaan yang sah. • Perniagaan patuh syariah.
3.	Apakah entiti perniagaan yang layak memohon	• Milikan Tunggal • Perkongsian • Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) • Sendirian Berhad (Sdn. Bhd.) • Koperasi • Pertubuhan/Kelab
4.	Berapakah jumlah pembiayaan yang ditawarkan?	Jumlah pembiayaan yang ditawarkan adalah: Minimum: RM 5,000 Maksimum: RM 100,000
5.	Berapa tempoh pembiayaan yang ditawarkan?	Tempoh pembiayaan adalah di antara 1 hingga 7 tahun
6.	Adakah pembiayaan ini patuh syariah?	Ya. Konsep pembiayaan menggunakan konsep Komoditi Murabahah.
7.	Untuk tujuan apakah pembiayaan boleh digunakan?	• Modal Kerja/ Pusingan • Pembelian Mesin/Peralatan • Pengubahsuaian Premis Perniagaan
8.	Apakah kadar keuntungan yang dikenakan?	Kadar keuntungan adalah kadar terapung, iaitu: Kadar Asas Pembiayaan Koperasi (KAPK) + 2.5%. <i>(Kadar Semasa KAPK adalah 6.50%)</i>
9.	Apakah sektor perniagaan yang dibolehkan untuk memohon Skim Pembiayaan Perniagaan Kecil (SBF)?	Semua jenis sektor perniagaan.
10.	Apakah dokumen sokongan yang diperlukan?	• Borang permohonan yang telah lengkap diisi dan ditandatangani oleh pelanggan. • Salinan MyKad Pemilik / Rakan Kongsi/ Pengarah. • Salinan pendaftaran perniagaan dengan SSM / SKM / JPPM / Ordinan Perniagaan Sabah & Sarawak / sijil amalan (untuk profesional). • Lesen Perniagaan dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) yang sah atau pengesahan (Diluar Kawasan Seliaan) oleh PBT atau lain-lain peraturan pihak berkuasa berkaitan. • Laporan kewangan/penyata kewangan (akaun

NO.	SOALAN	JAWAPAN
		pengurusan atau beraudit) untuk 2 tahun terkini. • Penyata akaun semasa perniagaan terkini untuk 6 bulan berturut-turut.
11.	Bolehkah pembiayaan digunakan untuk tujuan peribadi?	Tidak. Pembiayaan ini hanya boleh digunakan untuk tujuan yang berkaitan dengan perniagaan.
12.	Bagaimanakah cara memohon Skim Pembiayaan Perniagaan Kecil (SBF)?	Permohonan boleh dikemukakan di mana-mana cawangan CBP. Pihak CBP akan menghubungi pemohon dalam tempoh 14 hari bekerja selepas menerima dokumen lengkap untuk memaklumkan status permohonan.
13.	Bagaimanakah cara untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut mengenai Skim Pembiayaan Perniagaan Kecil (SBF)?	Untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut: • Sila hubungi 1-300-88-7650 (Setiap hari, Isnin hingga Ahad bermula 6.00 pagi hingga 12.00 tengah malam). • Whatapps 019-756 7650. • Layari laman sesawang CBP: a) Skim Pembiayaan Perniagaan Kecil (SBF): https://www.cbp.com.my/ms/produk/skim-pembiayaan-perniagaan-kecil • Kunjungi mana-mana Cawangan CBP yang berdekatan.